

LAPORAN PENYELIDIKAN

**KAJIAN PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN RUKUN
NEGARA DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA**

PENYELIDIK

DR. SARJIT SINGH DARSHAN SINGH (KETUA PENYELIDIK)

PROF. DR. JAYUM JAWAN (PENASIHAT)

PROF. MADYA DR. ZAID AHMAD

DR. AHMAD TARMIZI TALIB

DR. ISMI ARIF ISMAIL

SDR MOHD ROSLAN ROSNON

SDR JESPAL SINGH JOGINDER SINGH

SDRI ROHAIZAHTULAMNI RADZLAN

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

DAN

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

2012

KAJIAN PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN RUKUN NEGARA DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA

**Dr. Sarjit Singh Darshan Singh, Prof. Dr. Jayum Jawan, Prof. Madya Dr. Zaid Ahmad,
Dr. Ahmad Tarmizi Talib, Dr. Ismi Arif Ismail, Mohd Roslan Rosnon, Jespal Singh
Joginder Singh, Rohaizahtulamni Radzlan
Universiti Putra Malaysia**

Tahun 2012

ABSTRAK

Perpaduan merupakan asas kemajuan dan pembangunan sesebuah negara. Ia menjadi pengikat terpenting dalam mencapai sesuatu kejayaan. Kerajaan memperkenalkan Rukun Negara bagi mewujudkan kesefahaman dan perpaduan antara kaum untuk membina sebuah negara yang aman dan maju. Pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara perlu diukur dalam kehidupan belia untuk memperkuatkannya perpaduan nasional. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pemahaman dan penghayatan belia pelbagai kaum terhadap ideologi nasional, yakni Rukun Negara. Reka bentuk penyelidikan adalah deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan mengedar borang soal selidik secara persampelan mudah di empat zon utama. Seramai 598 orang terlibat dalam kajian ini bagi mewakili empat zon utama, iaitu zon utara (Pulau Pinang dan Perak), zon tengah (Selangor), zon selatan (Johor) dan zon timur (Pahang) dengan memberi fokus kepada golongan belia di kawasan bandar. Dapatan kajian menunjukkan belia Melayu lebih memahami serta menghayati Rukun Negara berbanding kaum lain dan secara umumnya menunjukkan bahawa tahap pemahaman belia adalah tinggi. Walau bagaimanapun, tahap penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan belia masih berada pada tahap sederhana. Generasi muda kini seharusnya lebih prihatin serta menghayati falsafah dan kelima-lima Rukun Negara untuk memastikan bangsa Malaysia lebih bersatu padu untuk membentuk jati diri nasional dan tamadun Malaysia.

Kata Kunci: Rukun Negara, Belia, Perpaduan, Jati Diri Nasional, Tamadun Malaysia